



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Februari 2023
03 Sya'ban 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Kuala Sala lubuk candat, jala sotong
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Lima nelayan ditahan, guna bot orang lain tangkap ikan
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			27	24/02/23

Lima nelayan ditahan, guna bot orang lain tangkap ikan



Lima nelayan tempatan ditahan untuk tindakan lanjut.

GEORGETOWN- Lima nelayan tempatan ditahan sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang ketika sedang menangkap ikan di Pulau Rimau di sini pada jam 6.30 petang, Rabu.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, kesemua nelayan termasuk seorang tekong berusia antara 33 hingga 47 tahun itu ditahan dalam Op Pertiwi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, bot tersebut tidak diusahakan sendiri oleh pemiliknya.

"Ketika menjalankan operasi, kita menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas A (kenka) yang dinaiki lima nelayan di 4.6 batu nautika tenggara Pulau Rimau.

"Pemeriksaan mendapati, bot tersebut tidak diusahakan oleh pemilik sendiri dan oleh itu, mereka ini disyaki melakukan

kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat sah lesen," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Kata beliau, bot dan semua nelayan yang ditahan dibawa ke Jeti Pasukan Gerakan Marin Batu Uban dan diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut.

"Amaran dan nasihat sudah diberi kepada pengusaha atau pemilik bot. Oleh itu, kita tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan lebih tegas ke atas mereka yang melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia.

"Sebarang aduan dan salah laku jenayah maritim atau sebarang kejadian kecemasan di laut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Maritim Pulau Pinang di talian **04-2626146** atau **MERS 999** untuk maklum balas segera," katanya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		30	24.02.2023

Kuala Sala lubuk candat, jala sotong

UM MS30

YAN: Pemancing hasil laut di sekitar utara tanah air tidak perlu lagi menempuh perjalanan jauh sehingga ke Terengganu untuk mencandat sotong kerana perairan Kuala Sala di sini boleh menjadi lubuk untuk mereka melakukan aktiviti itu.

Sejak enam tahun lalu, antara Oktober hingga Mac, perairan tersebut mula menjadi tumpuan pencandat sotong kerana ketika itu sotong jenis cumit, sotong panjang dan sotong mengambang mudah diperolehi.

Ahli Jawatankuasa Persatuan Nelayan Kuala Kedah, Rosni Razak, 50, berkata, walaupun

tiga jenis sotong terbabit agak kecil saiznya berbanding di Terengganu, ia tetap digemari pencandat dan nelayan.

“Kepada penggemarnya ia memberi kepuasan dan kepada nelayan ini menjadi pulangan yang berbaloi. Mereka boleh jual sehingga RM30 sekilogram (kg) yang sudah tentu boleh menambah wang saku masing-masing,” katanya.

Kata Rosni, setiap malam tidak kurang 200 buah bot nelayan turun ke laut untuk melakukan aktiviti mencandat sotong di perairan berkenaan,” katanya.

SOHIR Man menunjukkan sotong yang berjaya dicandatnya di perairan Kuala Sala di Yan, Kedah.

